

Jenis Akhbar : Berita RTM Online

Tarikh : 02/01/2023

Edisi / Muka surat : <https://berita.rtm.gov.my/>

Tajuk : Lebih 100 pengamal media sertai Pertandingan Persahabatan Persahabatan Boling anjuran ANGKASA

## Lebih 100 pengamal media sertai Pertandingan Persahabatan Persahabatan Boling anjuran Angkasa



(Pertandingan Persahabatan Boling ANGKASA dan Media 2022)

SUBANG JAYA, 31 Disember- Lebih 100 pengamal media daripada pelbagai agensi menyertai Pertandingan Persahabatan Boling yang dianjurkan oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).

Presidennya, Datuk Seri Dr Fattah Abdullah berkata acara tahunan ini bertujuan untuk mengukuhkan silaturahim dan menghargai jasa pengamal media dalam memartabatkan imej koperasi.

Lebih RM20,000 hadiah berbentuk wang tunai, barangan dan cabutan bertuah diperuntukkan oleh pihak Angkasa bersempena majlis ini.

"Terima kasih secara khusus kepada semua rakan media termasuk sahabat-sahabat pemberita yang membuat liputan program-program Angkasa kerana kita lihat hasil daripada kerjasama itu kefahaman masyarakat tentang peranan Angkasa dan koperasi di seluruh Malaysia telah meningkat," kata Fattah kepada RTM selepas merasmikan Pertandingan Persahabatan Boling ANGKASA dan Media 2022 di sini.

Beliau juga berharap bahawa Angkasa akan memberi sumbangan yang lebih kepada pembangunan ekonomi negara di samping membantu meringankan kos sara hidup rakyat.